



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(CAWANGAN KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK CHE MOHD ZAILANI BIN CHE MOH
TOKOH MAIN PUTERI**

OLEH:

ERDANIA PUTRI BINTI SHAHRUL AZMAN	2022898372
NUR ADAWIYAH BINTI AZIMAN	2022897998

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK CHE MOHD ZAILANI BIN CHE MOH
TOKOH MAIN PUTERI

OLEH:

ERDANIA PUTRI BINTI SHAHRUL AZMAN	2022898372
NUR ADAWIYAH BINTI AZIMAN	2022897998

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim.

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat saya (Erdania Putri Binti Shahrul Azman) dan pasangan (Nur Adawiyah Binti Aziman) menyempurnakan tugasan bagi kod subjek pendokumentasian lisan (IMR 604) ini dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini kami berdua amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Abdullah, selaku Pensyarah IMR 604 kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan dan memberi nasihat serta bantuan yang kami perlukan untuk menyiapkan tugasan ini.

Kami berdua juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang tidak putus-putus dalam usaha membantu menyempurnakan tugasan ini terutamanya kepada Encik Che Mohd Zailani Bin Che Moh yang sudi berkongsi ilmu dan memberi kerjasama sepanjang proses wawancara dijalankan.

Selain itu, kami juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan sekelas dan ibu bapa yang telah membantu kami berdua sepanjang kami berusaha menyiapkan tugasan ini. Segala bantuan yang dihulurkan kepada kami, amatlah kami hargai. Tanpa sokongan dan bantuan yang diberikan, kemungkinan kami tidak mampu untuk melaksanakan tugasan ini dengan jayanya.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama Adiguru Main Teri iaitu Che Zailani bin Che Moh atau lebih mesra dikenali sebagai Pak Mat untuk mengetahui dan mendokumentasi pengalaman beliau yang giat melakukan persembahan tradisional Main Puteri selama lebih dua dekad. Main Puteri boleh dikatakan upacara tradisional gabungan elemen-elemen nyanyian, lakonan, muzik, dan tarian bagi tujuan penyembuhan yang melibatkan bomoh, pesakit dan individu-individu berupaya menjadi ‘medium’ untuk mengambil roh ‘Puteri’ dan melakukan persembahan atau permainan. Temubual ini dijalankan di rumah Pak Mat sendiri iaitu di Kampung Jedok, Kelantan pada tarikh 30 November 2023 bermula pada jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang. Beliau menubuhkan Persatuan Warisan Main Puteri Pak Mat Jedok Negeri Kelantan pada tahun 2009 di mana beliau telah merawat pesakit-pesakit di negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Selatan Thailand sehingga sekarang. Pak Mat juga banyak melakukan persembahan dan aktif melakukan kelas pembelajaran Main Puteri ini untuk mendedahkan anak muda berkenaan seni permainan tradisi ini. Dokumentasi ini akan merangkumi sejarah, kerjaya dan kejayaan Pak Mat Jedok sebagai salah seorang guru Main Puteri yang terkenal di negeri Kelantan.

Kata kunci: Main Puteri, Main Teri, Kelantan, Che Mohd Zailani Bin Che Moh, persembahan tradisional

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Abbreviation.....	vii
Rujukan Kata.....	viii
Biodata Tokoh.....	x
Pengenalan.....	xiv
 Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian 2: Pendidikan	6
Bahagian 3: Pekerjaan	10
Bahagian 4: Bidang Main Puteri	11
Bahagian 4.1: Sejarah dan Konsep.....	11
Bahagian 4.2: Perubatan.....	17
Bahagian 4.3: Persembahan.....	21
Bahagian 5: Pengalaman dalam Bidang Main Puteri.....	24
Bahagian 6: Sumbangan dan Pencapaian Tokoh dalam Bidang Main Puteri	35
Bahagian 7: Harapan Tokoh.....	38
 Lampiran	
Log Wawancara.....	43
Diari Kajian.....	47
Senarai soalan.....	51
Surat Perjanjian.....	57
Gambar.....	58
Indeks.....	64

ABBREVIATION

JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
------	--

RUJUKAN KATA

Atah	Atas
Bab	Sebab
Baso	Bahasa
Bedooth	Sangat
Beghiah	Garang
Bekwoh	Kenduri
Belako	Semua
Boroh	Angkuh
Buwi	Bagi
Demo	Awak
Duano	Kemana
Galah	Dukung
Gegei	Bising
Ghe	Tahan
Gocoh	Gaduh
Goni	Ini
Hok	Yang
Jangok	Cantik
Jong	Tukang
Kecek	Bercakap
Kekdoh	Kaedah
Kekeng	Kangkang
Kelih	Lihat/Tengok

Kelik	Balik
Koho	Semakin
Kuwong	Penyakit
Lolok	Tipu
Megho	Memelihara
Molek	Baik
Mugo	Benda
Ngelas	Terakhir
Nimbuk	Tumbuk
Oghe	Orang
Oyak	Beritahu
Pehe	Faham
Peseng	Perangai
Pio	Siapa
Sabit	Sebab
Sapa	Sampai
Sayei	Sayang
Sedak	Sedap
Selok	Pengsan
Sokmo	Selalu
Toklaki	Suami
Toksei	Tidak mahu

BIODATA

BIODATA PENEMUBUAL 1



NAMA	Erdania Putri Binti Shahrul Azman
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	Kedah
ALAMAT	Perlis
NO TELEFON	
EMEL	CDIM245
PROGRAM	

BIODATA PENEMUBUAL 2



NAMA	Nur Adawiyah Binti Aziman
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	Kelantan
ALAMAT	Kelantan
NO TELEFON	
EMEL	
PROGRAM	CDI M45

BIODATA TOKOH



NAMA	Che Mohd Zailani Bin Che Moh
NAMA GELARAN	Pak Mat Jedok
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	Tanah Merah
ALAMAT	Kelantan
NO TELEFON	-
EMEL	
PROFESION	Tok Teri
BIDANG	Seni Budaya

PENGENALAN

PENGENALAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menyelidiki secara lebih mendalam mengenai seni persembahan Tarian. Seni persembahan secara umumnya merangkumi konsep yang melibatkan teori dan praktik dalam tiga bidang utama di dalam industri kreatif dan budaya, seperti muzik dan drama, teater dan filem, serta seni tarian. Dalam konteks industri kreatif dan budaya, atau lebih khusus lagi, industri seni persembahan, terdapat penekanan yang besar terhadap individu-individu kreatif, hasil karya, dan produk artistik.

Individu kreatif yang dimaksudkan di sini termasuk penganjur, pendidik, pelaku seni, pengeluar, pengurusan, dan kakitangan teknikal yang bekerja sama untuk memastikan kelancaran setiap persembahan. Selain itu, penting juga untuk memberi penekanan kepada kemudahan persembahan dalam industri seni persembahan ini. Kemudahan persembahan ini melibatkan ruang-ruang persembahan seperti pentas, dewan, amfiteater, dan panggung, yang semuanya diutamakan bagi memastikan perjalanan yang baik bagi setiap persembahan yang dijalankan.

Main Puteri, seni budaya tradisional Malaysia, menggabungkan tarian, nyanyian, dan lakonan dalam teater Melayu. Pementasannya menampilkan cerita heroik dan romantis dari mitologi Melayu dengan penari berpakaian tradisional yang indah. Setiap pertunjukan menghadirkan keunikan warisan budaya Melayu dan menyampaikan nilai-nilai tradisional, moral, serta sejarah. Meskipun zaman berubah, Main Puteri tetap menjadi bagian penting dalam identitas budaya Malaysia, dengan upaya berkelanjutan untuk melestarikannya dan mempromosikannya ke generasi mendatang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang seorang penggiat seni dalam bidang Main Puteri di Kelantan. Che Mohd Zailani Bin Che Moh atau dikenali sebagai Ayah Mat uang merupakan seorang yang bertanggungjawab dalam menaikkan seni Main Puteri di seluruh dunia bukan sahaja Asia tetapi juga Barat. Untuk lebih mengetahui mengenai sejarah dan perjalan Ayah Mat ini kita menyediakan temubual. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PM: Pak Mat
NA: Nur Adawiyah
EP: Erdania Putri

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

EP : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni budaya iaitu Main Puteri. Bersama-sama kami ialah Che Mohd Zailani Bin Che Moh yang merupakan seorang guru Main Puteri. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 2 Disember 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi bertempat di rumah Ayah Mat iaitu di Kampung Gual Jedok Tanah Merah, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Erdania Putri dan Nur Adawiyah. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

PM : *Awal dulu sek kito [kita mula dulu]*

NA (Ketawa) [bunyi helaian kertas diselak] Okay (baiklah), bismillahirrahmanirahim, assalammualaikum, saya Adawiyah Aziman and

(dan) sebelah saya, Ayah Mat. Bolehkah Ayah Mat beritahu kami nama penuh Ayah Mat?

- PM : Assalammualaikum wbt, jadi adik-adik *nok* [nak] *tau* [tahu] nama Ayah Mat, Che Mohd Zailani Bin Che Moh, Kampung Gual Jedok, Tanah Merah, *Kelate* [Kelantan], Tokoh Main Teghi.
- NA : Tokoh Main Teghi. Berapa lama Ayah Mat menetap di Kampung Gual Jedok ni [ini]?
- PM : *Lima puluh tujuh* [57] tahun.
- NA : (Ketawa) Lama dah. Sekarang *ni* [ini], berapa umur Ayah Mat? Sekarang?
- PM : *Lima puluh tujuh* [57]
- NA : *Lima puluh tujuh* [57]. Okay (baiklah) tahun berapa Ayah Mat lahir?
- PM : Tahun *dua puluh tujuh* [27] *bule tigo* [3] *tahun ney puluh ney* [1966]
- NA : *Sembilan belas enam puluh enam* [1966]-
- PM : Hari *Komis* [Khamis], hari *Sena* [Isnin].
- NA : Hari Isnin. Ayah Mat sendiri *ni* [ini] anak yang ke berapa?
- PM : Anak yang ketujuh [7].
- NA : Daripada?
- PM : *Daripado anak* [daripada anak] yang pertama, anak yang ketujuh la Ayah Mat
- NA : Maksudnya Ayah Mat *ni* [ini] anak bongsu la?
- PM : Eh *dok* [tak] *dok* [tak], ada lagi. Dia semua sepuluh [10] *anok* [anak].
- NA : Sepuluh [10]. Ayah Mat anak yang ketujuh [7] dari sepuluh [10] adik-beradik.
- PM : *Baguh* [Bagus].

- NA : **(Ketawa) Siapa nama Ayah, Ayah kepada Ayah Mat?**
- PM : Che Moh
- NA : **Dan**
- PM : Che Moh Bin Daud
- NA : **Che Moh Bin Daud. Saya juga dapat tahu Che Moh Bin Daud ni [ini] juga seorang Main Teghi, betul?**
- PM : Che Moh Bin Daud ni [ini] *dio* [dia] pakar perubatan tradisional tok bomoh. *Oghe* [Orang] panggil tok bomoh ni [ini], *dio* [dia] boleh *belako* [semua]. Main Teghi boleh, bidan boleh, bomoh boleh, *berubat-berubat* [perawat] jenis kudis kudis pun boleh.
- NA : **Okay (Baiklah). Siapa pula nama ibu kepada Ayah Mat?**
- PM : Limah Bin Jusof [Limah Binti Jusof].
- NA : **Limah Bin Jusof. Pekerjaan ayah dan ibu Ayah Mat?**
- PM : Pekerjaan petani la, jenis *wak* [buat] kebun, tanam padi, toreh getah.
- NA : **Adakah mereka berdua masih hidup?**
- PM : Ayah sudah meninggal, ibu ada lagi. Ibu umur pun banyak dah usia lebih.
- NA : **Ayah Mat sendiri pun umur *lima puluh tujuh* [57]? Bermaksud ibu *lapan puluh* [80] lebih atau pun hampir 90?**
- PM : Lebih *mek* [panggilan untuk perempuan kelantan]. *Anok* [Anak] sepuluh [10] *oghe* [orang]. Mugo bongsu *dio* [dia] pun *dale* [dalam] *kat* [dekat] dengan *lima puluh* [50] sikit *nok* [nak] *sapa* [sampai] *lima puluh* [50], bongsu *dio* [dia].
- NA : **Apa nama isteri tercinta Ayah Mat?**
- PM : Maznah. Maznah Binti Ibrahim.

- NA : **Puan Maznah (ketawa). Berapa umur?**
- PM : Nik Maznah *bena* [sebenarnya].
- NA : **Nik Maznah (ketawa). Berapa umur isteri Ayah Mat?**
- PM : *Lima puluh tiga* [53]. *Gitu la* [lebih kurang itu] *tok* [tak] ingat.
- NA : *Lima puluh tiga* [53], masih muda (ketawa).
- PM : *Ngarut* [Mengarut].
- NA : **Sunggoh [Sungguh] (ketawa). Tahun bilakah Ayah Mat berkahwin dengan isteri?**
- PM : Tahun *lape puluh lape* [1988] bule *lape* [8] rasa.
- NA : **Tahun *lapan puluh lapan* [1988] bulan *lapan* [8]. Isteri Ayah Mat ni [ini] berasal dari mana?**
- PM : Kampung Banggol Yek.
- NA : **Pak Mat dan isteri mempunyai berapa orang anak?**
- PM : *Tigo* [3] anok. Dua [2] *tino* [perempuan], *sore* [seorang] *jate* [lelaki]. [Anak beliau 1 perempuan, 2 lelaki.]
- NA : **Dua [2] perempuan, seorang lelaki. Boleh tak Ayah Mat sebutkan nama anak Ayah Mat?**
- PM : *Dio sore jate* [dia sorang lelaki]. Boleh. Pertama nama Mazni, kedua Muhd Ridzuan, ketiga Azhar.
- NA : **Mereka ni [ini] masih lagi belajar atau pun dah bekerja?**
- PM : *Kijo* [Kerja] dah *puok tu* [mereka itu].
- NA : **Tiga-tiga dah bekerja. Umur anak-anak Pak Mat?**

- PM : *Hok* [Yang] sulung *tigo puluh tujoh* [37], *hok* [yang] *keduo* [kedua], *tigo puluh limo* [35], *hok* [yang] *yang ngelas* [terakhir] *ni* [ini] *dua puluh empat* [24]. . .
- NA : **Dua puluh empat** [24]. Bongsu **Dua puluh empat** [24]. Ayah Mat sendiri pun sudah mempunyai cucu atau pun belum?
- PM : Ada cucu *dua* [2].
- NA : Cucu *dua* [2] orang.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

- NA : (Bunyi helaian kertas diselak) *Okay* (Baiklah), sekarang kita sambung kepada bahagian dua [2] iaitu sejarah pendidikan Ayah Mat.
- PM : Boleh.
- NA : Apa sejarah pengajian Ayah Mat sendiri?
- PM : *Perjalane* [perjalanan] Ayah Mat *ko* [kah]? Jadi sejarah Ayah Mat *ni* [ini], *panje* [panjang] cerita, dik. *Panje* [Panjang] hikayat *kalu* [kalau] *oyak* [cakap] *kalu* [kalau] cerita *tok* [tidak] habis nak *bile* [bilang]. Sebab *nok* [nak] *bulih* [boleh] *ko* [nok] jadi *oghe* [orang] *ni* [ini], lama, dik. Sebabnya dulu masa tahun 70 takat *hok* [yang] 70 baru Ayah Mat ingat *molek* [baik] sejarah Ayah Mat lah. Make air mata. *Bab* [Sebab] Ayah Mat ni jenis *line* [linang] air mata. *Bab* [Sebab] Ayah Mat *buke* [bukan] *oghe* [orang] kaya. Sebab Ayah Mat *ni* [ini] duduk Azab, dik. *Ngelas* [terakhir] sekali Ayah Mat dia panggil, *oghe* [orang] ramai panggil

gilo [gila]. Sebab manusia, yang duduk di dalam *kalange* [kalangan] manusia, *buke* [bukan] *mudoh* [mudah]. Sebab manusia. *Dio* [dia] manusia, *pande* [pandang] rendoh [rendah] *pado* [pada] manusia yang hina. Sapa [sampai] kita, *oghe* [orang] ramai *tok* [tidak] *cayo* [percaya], dik. *Nok* [Nak] baiki. *Kito* [kita] nak masuk *dale* [dalam] *jiwo* [jiwa] manusia.

NA : *Nok* [Nak] bagi *oghe* [orang] terima balik *kito* [kita]?

PM : Tidak. Kita nak masuk dalam *jiwo* [jiwa] manusia kita duduk dalam *bide* [bidang] ni. *Buke* [bukan] mudah. Sebab *make* [makan] *tak* [tidak] *make* [makan], *tido* [tidur] *tak* [tidak] *tido* [tidur]. Belajar *meme* [memang] *payoh* [payah]. Ayah Mat *tok* [tidak] pandai *gapo* [apa]. Boleh *kato* [kata] Ayah Mat sebut. *Kalu* [Kalau] *tkde* [tidak ada] anugerah *menda* [benda] *hok* [yang] *lagu* [macam] *ni* [ini], *tok* [tidak] *jupo* [jumpa], dik. Sebab hikayatnya panjang. Ayah Mat hanyut air *sepuluh* [10] ekar tanah, dik. Lanjut berapa *taktau* [tidak tahu] 1000 kaki.

NA : **Dihanyutkan air?**

PM : Masa tu Ayah Mat duduk di atas pokok *sari* [sehari] pagi *sapa* [sampai] *gelap* [malam] banjir. Mati, *oghe* [orang] kata mati. (Bunyi pemetik api dipetik) Naik di darat. Hidup *kelik* [balik]. Cari *make* [makan], tempat hujan panas *meme* [memang] Ayah Mat tempuh. Ayah Mat tempuh, sebab *mace* [macam] Thailand, dik, masa tu kuat *jugok* [juga] bunuh, bunuh-bunuh *oghe* [orang]. Ayah Mat menuntut sampai ke Thailand, dik. Sampai dalam *ketik* [tokong Siam] Ayah Mat masuk, sebab ilmu Ayah Mat cari. *Start* (Bermula) daripada Thailand sampai ke Malaysia Ayah Mat mengaji ilmu *goni* [ini], kaerah *goni* [ini]. Ayah

Mat nak mengenali yang *hok mano* [yang mana] Ayah Mat sebut tu *gapo* [apa] cerita *hok* [yang] Ayah Mat sebut tu Ayah Mat boleh *oyak* [bagitau] kalau *demo toktau* [awak tak tahu] Ayah Mat *tokleh oyak demo tok cayo* [tak boleh cakap awak tak percaya] *pasal demo dok kenal* [sebab awak tak tahu]. Tengok *mace* [macam] contoh *hok* [yang] Ayah Mat *sakni hok* [tadi yang], Ayah Mat *pendei tunjuk ko* [kepada] adik *tengok sakni* [sekejap tadi]. *Bare* [barang] tu *kalu kito oyak* [kalau kita bagitau] ramai *oghe tok cayo* [orang tak percaya] kalau *tok tengok* [tak lihat] dengan *mato lenih* [mata sekarang ini].

NA : Setuju.

PM : *Pasal* [sebab] benda *ni* [ini] *pah* [selepas] adik tengok pesakit-pesakit Ayah Mat *wak* [buat] *sakni* [tadi]. *Jale* [Jalan] mana *nok* [nak] suruh betul dia sebenarnya bukan hantu, angin dio *sumak* [tersumbat]. *Nok* [Nak] *gi* [pergi] *tokleh* [tidak boleh]. *Bare* [Barang] *comey* [comel] *belako* [semua] *tapi* [tetapi] *nok* [nak] *gi* [pergi] *tokleh* [tidak boleh]. Tersumbat. Pasal dia *oghe* [orang] *sore* [sorang]. *Oghe* [Orang] *sore* [sorang] *pahtu* [selepas itu] kait pada anak ramai *kea* [kan], jadi *tak* [tidak] betul *sokmo* [selalu] cerita. *Tu* [Itu] cerita Ayah Mat, kisah Ayah Mat, *panje* [panjang] cerita dik. Lalu tu Ayah Mat boleh masuk *dale* [dalam] hati manusia. Dia hati manusia *ni* [ini] ada dua, dik. Hati manusia, hati hite [hitam] *tu* [itu] untuk racun *makene* [makanan], hati putih *tu* [itu] la ibu penyakit. Bahasa Ayah Mat dia panggil naluri tu ilmu syahadah. Terkandung daripada hati putih. Apabila terkandung daripada hati putih *tu* [itu] la bawa penyakit, bawa *ketenenge* [ketenangan]. *Sene* [senang] kita *tokleh* [tak boleh] *nok* [nak] baca *tene* [tenang] belum lagi *line* [linang], *dio* [dia] kita tgk *oghe* [orang] *jangok*

[cantik/kemas] belum tentu lagi sempurna. *Jangok* [cantik] rupa akal cacat pun ada, ni kita *tok* kata *sapo-sapo meme* pengajian *kekdoch* [kaerah] Ayah Mat. *Dio* [dia] nak jadi *supo* [seperti] Ayah Mat ni kita kena boleh *tengok* [lihat] *supo* [seperti] doktor x-ray, kita tgk *oghe* [orang] tu kita kenal dah. Sebab tu *buat guano* [seperti mana] *gi* [pergi] *duano* [kemana] hati *dio* [dia] *setaro* [tahap] mana, *perjalane* [perjalanan] dia lagu mana, kita boleh baca. Untuk Ayah Mat, untuk *oghe* [orang] Ayah Mat tak baca tapi Ayah Mat boleh baca. *Sabit* [sebab itu] Ayah Mat kata tadi *kalu* [kalau] *sapo* [siapa] *dio* [dio] niat *tok* [tidak] betul hancur hati *buto* [buta] *mato* [mata] *mari* [datang] *rumoh* [rumah] Ayah Mat. Tadi *dio* [dia] *nok* [nak] *ngarut* [mengarut] Ayah Mat, *dio* [dia] *nok* [nak] uji ilmu Ayah Mat, Ayah Mat *tau doh* [dah tahu] *pasal* [kerana] *oghe* [khadam] Ayah Mat mari *oyak* [bagitahu] (ketawa).

- NA : **Ayah Mat tahu dulu sebelum dia nak uji?**
PM : Tahu. *Sabit* [Seabtu] Ayah Mat baca *doh* [dah]
NA : **Dari segi pendidikan Ayah Mat masa sekolah rendah, sekolah menengah tu [itu] sampai mana?**
PM : Ayah Mat *dok* [tidak] *leh* [boleh], dik.
NA : **Maksudnya?**
PM : Ayah Mat *dok* [tidak] *leh* [boleh]. Kira *tok* [tidak] *skoloh* [sekolah] la.
NA : **Kiranya Ayah Mat terus belajar *ni* [ini] la ilmu *ni* [ini] terus?**
PM : Ayah Mat *tok* [tidak] *skoloh* [sekolah], jadi *bodo* [bodoh] la Ayah Mat.
NA : **Buke** [Bukan] bodoh, Ayah Mat. Dia macam *kito* [kita] dulu *kea* [kan] lain *oghe* [orang] dulu, *oghe* [orang] *loni* [sekarang ini] baru pentingkan

pendidikan. *Oghe* [Orang] dulu, dia pentingkan untuk kenyang perut, orang kampung kan.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PEKERJAAN

NA : *Pastu* [Selepas itu], untuk sejarah pekerjaan Ayah Mat pula *ni* [ini] macam mana? Ayah Mat *start* (bermula) buat kerja *ni* [ini] dari umur berapa?

PM : Ayah Mat *ni* [ini] buat *kijo* [kerja] sejak budak. Ayah Mat *megho* [memelihara] *kuba* [kerbau], *megho* [memelihara] lembu, *megho* [memelihara] kambing. Jasa tu dik. *Noreh*[menoreh] *getoh* [getah] 2 keping. 2 keping ni dik masa tu *getoh* [getah] *rego* [harga] *tigo puluh sen* [30 sen] *skati* [satu kati] *dio* [dia] sekeping tu *bulih* [boleh] *limo* [5] kati. Jadi *makene* [makanan] pun dik, *kalu* [kalau] pagi bangun bakar *pise* [pisang], bakar ubi, *supo kero* [seperti kera] *make* [makan] ulat pisang mulut tu hitam. Ubi bakar, *pise* [pisang] bakar. *Pahtu* [selepas itu] timbul la moden *ado* [ada] basikal. Basikal ni berebut dua beradik *pah* [sampai] ke harini kita *duik* [masih] menyesal.

NA : Kenapa *tu* [itu]?

PM : (Menangis)

NA : *Takpa* [Tidak apa], kita tukar ye *soale* [soalan] boleh? Kita tukar soalan kepada Ayah Mat. Selain daripada Main Puteri *ni* [ini] Ayah Mat buat kerja apa selain daripada Main Puteri?

PM : (menangis)

- NA : **Nah tisu**
- PM : Ayah Mat tahu *doh* [dah] dik [adik]. Ayah Mat tahu *doh* [dah] pasal Ayah Mat *make* [makan] air *mato* [mata] harini *kea* [kan]? Ayah Mat tahu *doh* [dah]. Adik *toksoh* [tak payah] duk kecik hati la ko ayah mat pasal ayah mat *make air mato* [makan air mata] harini.
- NA : **Tadok tadok [tiada]**
- PM : *Pasal* [sebab] Ayah Mat tahu *dio* [khadam] *mari doh* [dah datang] tadi.
- NA : **Pasal [sebab]? Boleh sambung doh [dah]?**
- PM : Boleh. Ayah Mat *isap* [hisap] rokok *takpo* [tidak mengapa]?
- NA : **Takpo takpo [tidak mengapa].**

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: BIDANG MAIN PUTERI

4.1 SEJARAH DAN KONSEP

- NA : Sekarang ni kita masuk bahagian 4 iaitu soalan berkaitan bidang Main Puteri ini sendiri. Okay boleh Pak Mat, Ayah Mat ceritakan tentang asal usul Main Puteri.
- PM : (Ayam berkокок) Main Teghi ni dik, *sebenarnyo* [sebenarnya] *dio* [dia] *kito* [kita] main angin *oghe* [orang]. Main Teghi ni, jadi angin *oghe* [orang] ni dik [adik] *bermacei-macei* [bermacam-macam] *kito* [kita] cari jalan *dio* [dia] *tu* [itu] *kito* [kita] *toksei* [taknak] *bui* [bagi] *dio* [dia] sakit. *Patut* [perlu] *keno*

[kena] pakai muzik pakai muzik. *Patut* [perlu] *hok tok patut* [yang tak perlu] pakai rebat *kito* [kita] *keno* [kena] pakai rebat. Sebab rebat *ni* [ini] dik, rebat rebat *ni* [ini], rebat *apobilo* [apabila] dengar alunan rebat tu (bunyi lesung batu) *dio* [dia] *skali* [sekali] dengan *skali* [sekali] dengan *jiwo* [jiwa] *dio* [dia]. *Sabit tu* [oleh itu] *dio* [dia] slow bunyi tu *kei* [kan]. Alunan *dio* [dia] tu pah *betulei* [secara kebetulan] dengan *kito* [kita] duduk nyanyi *wak* [buat] rayuan *ko* [kepada] *dio* [dio] *gitu-gini* [begitu-begini] tu *dio* [dia] ingat seh *supo* [seperti] Ayoh Mat ingat *ko* [kepada] *sjaroh* [sejarah] *sakni* [tadi] *tula* [itu].

NA : **Sejarah. Faham faham.**

PM : Renung sepintas lalu *crito* [cerita] *tu gitu* [begitu]. *Tadok gapo* [tiada apa] pun.

NA : **Ada berapa jenis main puteri ini?**

PM : *Dio* [dia] Main Teghi ni dik *dio* [dia] *ado* [ada] *banyak* [banyak]. *banyak-banyak* [banyak-banyak] *ni* [ini] dik. *Kalu* [kalau] *bile* [bilang] angin ni dik *sratus smile puluh smile* [199] angin (bunyi tarik nafas) *wojib* [wajib] *keno* [kena] atas *so* [satu]. *Tidok* [tidak] harus *tidok* [tidak] mustahil.

NA : **Akan *keno* [kena] juga lah satu daripada?**

PM : *Sratus smile puluh smile* [199] tu *wojib* [wajib] *keno* [kena] atas *so* [satu]. *Kalu* [kalau] *tok* [tidak] *keno* [kena] *dio* [dia] *keno* [kena] mati (senyum sambil ketawa).

NA : **Sampai tahap itu (ketawa)?**

PM : (ketawa) *Iyo* [iya] dik Ayoh Mat buat. Ayoh Mat *ngaji* [belajar] *goni* [ini].

NA : Adakah seni main puteri ini sama dengan seni ulik mayang dan seni wayang kulit?

PM : *Dio* [dia] Teghi ni dik kalau *ngikut* [mengikut] kaedah *tok bomoh* [tukang bomoh] ni dik *dio* [dia] panggil *rajo* [raja] *sekelian mene* [segala mainan].

NA : Raja? Maksudnya main puetri ni *besar skali* [paling besar] la?

PM : *Takdok doh* [tiada dah]. *Kalu* [kalau] sebut *kato* [kata] Teghi tu *kalu* [kalau] *probat* [perubatan] doktor *dio* [dia] *keno* [kena] *beloh* [belah]. *Kalu* [kalau] doktor *kato* [cakap] *beloh* [belah] *pokcik* [pakcik] *toksei* [tak nak] *beloh* [belah] *gak kelik* [boleh balik]. *Kalu* [kalau] *pokcik* [pakcik] nak *beloh* [belah] *gak beloh* [boleh belah]. *Sia toksia* [sembuh tak sembah] tu *wak loh wak ley* [Allahu alam] doktor *nok* [nak] jamin *tokleh* [tak boleh]. *Sabit* [sebabtu] *pokcik* [pakcik] *keno* [perlu] *sign* [tandatangan]. *Kalu* [kalau] mati pun nak buat *guano* [macam mana] *dio* [dia] pun *brubat* [merawat] tu [untuk] *bue* [bunag] *nyakit* [penyakit] (ketawa) *gitu* [begitu]. Main Teghi ni *oghe* [orang] penyakit angin *keno* [perlu] Main Teghi. *Oghe* [orang] penyakit angin *buke* [bukan] penyakit *ulurei* [uluran]. Angin jugok *ulurei* [uluran] pun. *Ulurei* [uluran] angin *tuh* [itu].

NA : Berapa lama untuk satu upacara Main Puetri biasa dilakukan?

PM : *Sakat* [mengikut] *oghe* [orang] sakit. *Sakat* [mengikut] *oghe* [orang] sakit *abih* [habis] angin.

NA : (Ayam berkокok) *ikut* [mengikut] pesakit kiranya?

PM : *Ho* [Iya]. *Kito, kito, kito* [kita] *oghe* [orang] doktor *kito* [kita] *tokleh* [tidak bole] *nok* [nak] *gapo ni* [apani], *tokleh* [tak boleh] *nok* [nak] *lwwe* [lawan] *dio* [dia]. *Nyakit angin ni* [penyakit angin ini], *kalu* [kalau] *kito* [kito] *lawe* [lawan] *dio* [dia], *kito* [kita] *letok* [letak] gunung pun *dio* [dia] *tepoh* [langgar]. *Kalu* [klaau] *dei* [sampai] *air pemuh gitu* [begitu] *letok* [letak] *plewok* [papan lapis] pun *dio* *tokgi doh* [tidak rempuh]. *Gitulah* [begitulah]. *Tanyo* [tanya] dik *tanyo* [tanya].

NA : (ketawa)

PM : *Nanti deh* [sekejap ye].

NA : **Adakah terdapat irungan muzik dan lagu sewaktu upacaraan Main Putri ini dilakukan**

PM : *Ado* [ada].

NA : ***Ado* [ada]. Bolehkah Ayah Mat nama kan lagu yang dimainkan sewaktu upacara dilakukan**

PM : Lagu *mulo mulo* [pertama] Teghi ni dik lagu *mulo mulo* [pertama] dipanggil *sdaro* [sedara].

- NA : *Sdaro [sedara]*.
- PM : *Sdaro [sedara]*. Lagu *sdaro [sedara]* ni dik *dio* [dia] Lagu *sdaro [sedara]* ni *tokpayoh* [tak perlu] nyanyi. *Dio* [dia] nyanyi *supo* [seperti] *kito* [kita] *kecek* [bercakap] ni *joh* [je] (bunyi bertukang). *Pahtu* [selepas itu] *dio* [dia] lepas lagu *sdaro [sedara]* *dio* [dia] panggil lagu *wok tuo* [wak tua]. *Wok tuo* [wak tua], *wok cek mudo* [wak cek muda], *wok jamal* [wak Jamal] *wok macei macei* [pelbagai wak]. *Dio* [dia] atah [mengikut] irama lagu. *Lapah padu tu* [lepas pada itu] *dio* [dia] timbul lagu *sdayong* [sendayung]. *Sdayong* [sendayung] tonggek, *sdayong* [sendayung] hindik. Buku buloh *oghe* [orang] *jamei* [zaman] dulu panggil. *Macei macei* [pelbagai].
- NA : **Banyak lagu tu?**
- PM : *Duo belas* [12] *baso* [bahasa], *duo belas* [12] *ragei* [ragam] dik.
- NA : **Faham (ketawa)**
- PM : *Ho pehei* [ha faham] (ketawa).
- NA : **Ada berapa jenis alat muzik sewaktu digunakan untuk upacara?**
- PM : *Hok* [yang] Ayoh Mat main *duo belas* [12]. Ayoh Mat main gong *duo* [2], geduk *duo*[2], *dombok* [dedombak] *duo* [2], kesi *so* [satu], *canei* [canang] *duo* [2], rebat *so*[satu], serunai *sbatei* [sebatang].
- NA : **Dua belas** [12] **jenis la semua?**

- PM : *Tok ingt dohla* [terlupa dah] (ketawa).
- NA : (ketawa) **Kita kira nanti. berapa banyak watak yang dipanggil sewaktu Main Puteri?**
- PM : *Watok* [watak] *ni banyok* [banyak]. *Banyok-banyok watok* [banyak-banyak watak]. *Kalu* [kalau] nak main *mokyong* [makyong] *kito* [kita] *keno* [kena] panggil *watok mokyong* [watak makyong] ni. *Kalu nok* [kalau nak] main hala kita kena panggil watak hala. Nok main *waye kulit* [wayang kulit] *keno* [kena] panggil *waye kulit* [wayang kulit]. *Nok* [nak] main menora kita panggil menora. *Nok* main dikir barat *kito* [kita] main lagu dikir barat. *Nok* [nak] main lagu joget kita panggil lagu joget. *Banyok* [banyak] dik. *Ulek maye, ulek maye* [Ulek Mayang]. Putri, putri.
- NA : **Berapa ada berapa bahan perlu disediakan sebelum memulakan upacara Main Puteri ini?**
- PM : *Kalu* [kalau] *kito* [kita] *nok* [nak] *brobat* [berubat] ni dengan kenduri kedremat ni *dio* [dia] *keno* [kena] *adola* [ada] *macei* [macam] telur, *macei* [macam] pulut, *macei* [macam] sirih *pine* [pinang], beras, *bene* [benang], *kemiye* [kemiyian], *aye* [ayam] panggang, dalca air, dalca beku, telur goreng, *ado* [ada] bluru sitok, limau *daro* [dara], *nise skerek* [gula melaka satu kerek], *nyior* *sbeloh* [kelapa sebelah], *ike* [ikan] kering, tepung kendung dengan *ude* [udang], *kete* [ketam], pari *ado banyok* [ada banyak], *banyok* [banyak].

NA : Apa jenis jenis persediaan daripada segi mental atau fizikal yang perlu dilakukan oleh Tok Teghi sebelum memulakan upacara Main Puteri?

PM : Tok Teghi *mulo* [mula] *upocara* [upacara] gak *nok soro* [nak suara] sedap, *nok* [nak] tubuh sihat gak *tadok gapo* [tiada apa]. Boleh main *sokmo* [sentiasa] *make kenyé takpo* [makan kenyang tiada apa].

NA : Boleh teruskan?

PM : *Ho* [iya] jalankan *gitu* [begitu].

NA : Ada berapa. Adakah terdapat sebarang ayat atau bacaan yang perlu dibaca sebelum upacara Main Puteri

PM : *Ho* [ho] *dio* [dia] *keno* [kena] *baco* [baca] ayat ayat *dio tu* [dia itu], *tokkei* [takkan] *kito* [kita] *gi* [pergi] *rumoh* [rumah] *oghe* [orang] pakai naik *bung* [tidur] *slalu* [terus]. *Keno* [kena] *pecat* [buka] kasut dulu *pecat* [buka] *slipar* [selipar] dulu.

4.2 PERUBATAN

NA : Ye betul betul. Terdapat ada, adakah terdapat pantang larang yang perlu dipatuhi tok teri sewaktu Main Puteri.

PM : *Ho ado* [Iya ada]. *Demo* [awak] *nok* [nak] *gi mari* [pergi sana-sini] *tokleh* [tak boleh] *nok bose* [nak serabut], *tokleh nok gegei* [tak boleh nak bising], *kalu*

[kalau] *kito* [kita] kuat *demo* [awak] kuat, *kito* [kita] kuat, *demo* [awak] kuat, baik *demo* [awak] *kelik* [balik] (ketawa).

NA : (ketawa) Apa jenis jenis penyakit yang biasa dirawat melalui upacara Main Puteri?

PM : *Nyakit* [penyakit] *sibo-sibo* [macam-macam] penyakit. *Macei-macei* [pelbagai] *nyakit* [penyakit], beratus ratus jenis penyakit.

NA : Boleh dirawat melalui ni lah?

PM : Boleh. *Hok bini* [yang isteri] lari *pun* [juga] boleh Main Teghi. *Yo* [Iya], *ho* [betul]. *Hok toklaki* [yang suami] rock *pun* [juga] boleh Main Teghi. Toklaki [suami] rock tu la *toklaki* [suami] joli. *Pah* [lepas] *dio ado* [dia ada] *pulok* [pula] *dewo* [dewa] kecil *dio* [dia] panggil. *Hok peseng toklaki* [yang perangai suami] rock ni, *mejo arok* [meja arak], *mejo* [meja] judi, *mejo aye blago* [meja ayam laga] *gapo tuh* [semua itu] ha tu *dewo* [dewa] kecil *dio* [dia] panggil angin *jugok* [juga].

NA : Kategori kategori?

PM : *Ho* [iya] kategori. Spesies-spesies *dio* [dia] la.

NA : Adakah terdapat pantang larang yang perlu dipatuhi oleh pesakit sebelum dan selepas selesai upacara perubatan.

PM : *Ado* [ada]. *Jange* [jangan] *duk* [datang] *gocoh* [tumbuk] *Tok Teghi sudoh* [sudah] (ketawa). *Mapoh* [mati] *Tok Tengi pio* [siapa] *nok* [nak] *bomo* [bomoh] *pulok* [pula].

NA : **Betul juga tu (ketawa).**

PM : *Ho* [iya].

NA : **Boleh Ayah Mat beritahu apa contoh pantang larang takape. Skip skip.**
Apa yang terjadi kalau pantang larang itu dilanggar oleh Ayah Mat?

PM : Ayah Mat *tok* [tidak] *puah* [puas] hati *kelik* [balik] *nok tido* [nak tido] *tokleh* [tak boleh]. *Dei tok* [dan tak] dengar *kito royak kei* [kita bagitau kan]. Jadi *srabut* [serabut]. *Kito* [kita] *sbenarnyo* [sebenarnya] *bukei* [bukan] *kato* [kata] *nok ko pitih* [nak duit] *demo* [awak] *tuh* [tu], tapi *apobilo* [apabila] *kalu* [kalau] *kito* [kita] *brubat* [berubat] *demo* [awak] tu sembuh, *nyakit* [penyakit] tu sembuh, hati *kito* [kita] pun gembira. Apabila gembira *pasal* [sebab] *oghe* [orang] ni pun boleh cari *make* [makan], boleh buat *amalei* [amalan]. Jadi sempurna *dio* [dia] sempurna *pah* [hingga] *kito* [kita]. Mungkin *dio* [dia] ingat *gapo-gapo* [apa-apa] *kito* [kita] pun *jaso* [jasa] baik *kito* [kita]. *Ha gitu* [begitu]. *Bukei* [bukan] *kito* [kita] *nok* [nak] *kedio* [kepada dia], *jaso* [jasa] baik tu.

NA : **Kira Ayah Mat berpuas hati Ayah Mat okay lah daripada upacara tu?**

PM : *Tadok gapo la* [tiada apa].

NA : Ada apa-apa yang perlu dilakukan oleh pesakit selepas selesai berubat dengan cara Main Puteri?

PM : *Ho takdok doh la* [iya tiada dah]. *Tadok* [tiada] berlaku apa-apa.

NA : *Tadok apo-apola* [tiada apa-apa].

PM : *Ho tadok* [iya tiada].

NA : Untuk melakukan rawatan ni adakah terdapat juga pantang larang yang harus dihormati?

PM : Untuk *pate lare* [pantang larang] *misalei* [misalnya] *Tok Teghi kato* [kata] *jange* [jangan] *dimake* [dimakan] *buoh* [buah] *labu ni jange* [jangan] *make* [makan] lagi. Tunggu dulu.

NA : (ketawa)

PM : Takut *ulurei* [uluran] *ko* [ke] *gapo* [apa]. *Tokleh* [tak boleh] *nyawo* [bernyawa] *jugok* [juga] (ketawa).

NA : Apakah kebiasaan pesakit Ayah Mat datang untuk dapatkan rawatan?

PM : *Lagu mano, lagu manò* [macam mana, macam mana]?

NA : Kebiasaan pesakit datang untuk dapatkan rawatan?

PM : *Dio* [dia] *mari kito* [kita] *tengok* [lihat] *nyakit* [penyakit] *dio* [dia]. *Kito* [kita] *cek sini pulok* [pula]. *Dio* [dia] *ado* [ada] *date* [dalam] *scan kito tuh* [kita itu].

Dio [dia] tokleh [tak boleh] nipi kito [menipu]. Kito [kita] cek. Dio nipi [dia menipu] kito maghoh [kita marah]. Kito letih [kita penat] demo nipi [awak menipu] (ketawa).

4.3 PERSEMBAHAN

NA : Untuk Ayah Mat sendiri, ada kumpulan yang yang bantu dalam melakukan upacara Main Puteri?

PM : Ho ado [iya ada]. Hok [yang] Tok Teghi kato [kata] panjok [panjak] tujuh [7] pengantin ke lima [5] jong [tukang] baso [bahasa] ke tiga. Jong baso [tukang bahasa] ke tiga [3] joh [sebagai] bantu. Hok [yang] tu panggil jong baso [tukang bahasa] ke tigo [3]. Tapi baso [bahasa] dio [dia] tu harap Teghi. Tokkei [takkan] nok [nak] kato [kata] jong [tukang] buat [bawa] mari air. Tok [tak] sedap dengar oghe [orang] tok [tak] Main Teghi lagutu [macam itu]. Sbenar [sebenar] buke [bukan] hatu [hantu] jong [tukang] baso [bahasa] ke tigo [3] jong [tukang] baso [bahasa] ke tigo [3] tu hok [yang] jong [tukang] wak [bawa] mari air. Hok [yang] ke tigo [3] tula [itu] wak [bawa] mari air. Kito nok [kita nak] air dio [dia] buat mari, kito nok [kita nak] gelas dio wak [dia bawa] mari gelas. Tu [itu] jong [tukang] baso [bahsa] ke tigo [3].

NA : Pembantu la?

PM : Ha kalu moden arab loni [sekarang] pembantu. Dio [dia] panggil jong baso lame [pembantu zaman] dulu.

NA : Apa nama kumpulan Ayah Mat?

PM : *Warise* [warisan] Main Puteri Pok Mat Jedok.

NA : Warisan Main Puteri Pak Mat Jedok.

PM : Persatuan.

NA : Berapa orang pemain yang terlibat dalam upacaraan Main Puteri?

PM : *Dio* [dia] *duo belas* [12], *panjok* [panjak] tujuh [7], pengantin *limo* [5], *jong baso* [pembantu] *ke tigo* [3] *duo belas* [12] nih.

NA : Maksudnya setiap ahli tu ada peranan masing masing la?

PM : *Dio* [dia] *meme* [memang] *keno* [perlu] *ucap situ* [disitu] bangkitan *situ doh* [tempat itu] *kalu* [kalau] buat *kerah jarah* [keras] pun situ doh.

NA : Adakah terdapat tatacara pemakaian yang ditetapkan untuk Tok Teghi dan kumpulan sewaktu Main Puteri?

PM : *Dio* [dia] Tok Teghi *jame* [zaman] dulu *dio tok* [dia tak] pakai baju, *dio tok* [dia tak] pakai kain. *Dio* [dia] pakai *caping* [cawat].

NA : Caping [cawat] (ketawa).

PM : (ketawa) Ni *hok* [yang] Ayah Mat *jame* [zaman] dulu (tunjuk gambar lama). *Tok* [tak] pakai baju.

NA : Adakah golongan wanita dibenarkan untuk jadi pemain atau Tok Teghi untuk upacara Main Puteri?

PM : Boleh *blako* [semua] *oghe tino* [orang perempuan] *jate* [lelaki] kecik besar *pun* [juga] boleh main.

NA : Adakah Ayah Mat ni adakan latihan sebelum upacara Main Puteri ?

PM : *Ho ado dale* [iya ada dalam] *duo* [2] tahun *baruni* [baru-baru ini]. *Duk ngajar sokmo* [sentiasa mengajar] la *budok-budok* [budak-budak] *nok* [nak] tahu *caro kito nok* [cara kita nak] tu suruh lekat (gaya tangan).

NA : Ayah Mat pernah buat persesembahan Main Puteri ini dimajlis kahwin?

PM : Boleh *wak bako* [buat semua] dik majlis kahwin, *bala poklih* [balai polis], *tempat oghe duk main ramai ramai* [tempat keramaian]. Duduk di *oghe mesorat* [orang mesyuarat] *gapo pun* [apa-apa] boleh *blako* [semua] dik majlis. Main Teghi ni *sbenarnyo* [sebenarnya] *demo demo* [mereka] *duk baco* [cakap] *hok tok reti* [yang tak pandai] *demo* [mereka] *duk kato hatu* [cakap hantu]. *Demo* [mereka] tahu sebut *hatu* [hantu] *demo* [mereka] *tok* [tak] tahu *hatu tu gapo* [hantu itu apa]. *Demo tok reti bedooh nah tu* [mereka tak tahu sangat mengenai itu]. *Pah demo* [abis tu mereka] *duk tanyo tahi hatu* [mereka tanya mengenai tahi hantu]. *Hok tu bengong peghak lagi tu* [yang itu sangatlah bodoh] (ketawa).

NA : (ketawa)

PM : *Dio [dia] ingat hatu tu supo [hantu itu seperti] gajoh bokali [gajah mungkin] makei bate pise spohon [makan batang pisang sepohon] skali makei [sekali makan]. Tidok [tak] makei [makan] kedaroh nate tu [binatang itu]. Bengong demo jah blako tuh [bodoh mereka je semua itu]. Hok oghe ngaji hatu [yang orang belajar hantu] dio [dia] tahu caro hatu lagumano [cara hantu macam mana].*

NA : **Maksudnya kalau ada jemputan tu Ayah Mat akan gi lah?**

PM : *Gi [pergi].*

NA : **Ikutlah siapa siapa pun?**

PM : *Gi [pergi]. Cukup ubat gi [lengkap peralatan pergi].*

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENGALAMAN DALAM BIDANG MAIN PUTERI

NA : **Okay [Baiklah], untuk bahagian kelima iaitu soalan berkaitan pengalaman Ayah Mat dalam bidang Main Puteri. Bagaimana Ayah Mat belajar Main Puteri?**

PM : Penat, penat. Penat, penat.

NA: : **Penat?**

PM : Penat. *Penatnyo* [Penatnya] *gini* [begini] *sebabnyo* [sebabnya] *kalu* [kalau] *oghe* [orang] nak jadi Tok Teri *ni* [ini], *kalu* [kalau] *tok* [tidak] sanggup *keno* [kena] *maghoh* [marah] *ke* [oleh] tok guru *takleh* [tidak boleh] Main Teri. Sebab Tok Guru *oyak* [beritahu], *bare* [barang] *ake* [akan] berlaku masa depan. Sebab Tok Guru *buke* [bukan] *pok* [bapa] kita, tapi [tetapi] *kalu* [kalau] kita *pikir* [fikir] kata *buke* [bukan] *pok* [bapa] kita, kita *tokleh* [tidak boleh] taat. Tok Guru kata ‘*menate*’ [binatang] kita, kita nak *maghoh* [marahi] ha *tokleh* [tidak boleh] lah. “Tok mati menate ni bengong” dia kato [cakap]. Sebab dia kato gitu tu, pesakit hok nok kato kito tu hok berat lagi dia *hambat* [halau] kelik kalu gi rumah dio. Ko dio tak berlaga angin. Baru tau kata betul. Tok Guru buke mulut huduh, uji Tok Guru dengan kito tu. Sampai Tok Guru Ayah Mat dia kata, “Mu ni Che Mat, kalu burung aku sele sekali dengan saghe-saghe doh beghih.” Beghih ni dok jadi lah. Kalau buh [masukkan] saghe [sarang] lain pun, kalau buh [masukkan] burung lain pun, beghih [garang] jugok [juga]. Dio nok sekali saghe-saghe [sarang-sarang] *dale* [dalam] air. Ayat Mat nyanyi pulak *Awe wei* [nyanyian Teghi] *nei* [6] *bule* [bulan]. *Genap-genap* [Setiap] *male* [malam], *genap-genap* [setiap] *male* [malam] (menepuk paha) *nei* [6] *bule* [bulan]. *Awe wei jah* [sahaja].

NA : **Lagu sama?**

PM : *Nei* [6] *bule* [bulan]. *Awe wei* [nyanyian Teghi]. *Nei* [6] *bule* [bulan], dik. Hok ambik di tepi Sungai Nurut sampai di Bukit Budu Lata Ret. *Buh* [Letak] minyak kereta *dua puluh* [20] *ya* [ringgit] masa tu, *genap-genap* [setiap] hari,

belajar menyanyi atas kereta. *Nok* [Nak] betul *key* (kunci) *dale* [dalam] *gendey* [gendang]. Nok ambik *dua* [2] harakat ganti *empat* [4] harakat. Kalau *oghe* [orang] *dokleh* [tidak boleh] baca situ tentu tak pandai nyanyi. *Hok* [Yang] ini *dua* [2] minggu, dik. Tak menipu. Turun *jale* [jalan] ini lalu, dok rumah lagu ni supo *oghe tok betul* [gila] doh. Tidak kato menari saja dik, *dua* [2] minggu. Pahtu duduk, dik. *Nok oyak bagi* [nak bagi tahu] cerita, duduk. Kito duduk, dik. Tok Guru duduk depan deh, dio punya cara. (Mendemonstrasi) *Paling* [Pusing] kot sini, dik.

NA : **(Ketawa)**

PM : (Mendemonstrasi) *Paling kot ni* [pusing ke arah ini]. Adik *tengok* [lihat] Ayah Mat. Adik *dok tengok* [sedang lihat] la ni, dik. Ayah Mat *nok main*, *tengok* [lihat]. *Tengok doh* [dah lihat]? *Tengok doh* [dah lihat]? *Tengok doh* [dah lihat], dik? *Jange suko* [jangan gelak]. *Tengok*, *tengok* [lihat, lihat]. *Lagu mana tengok* [macam mana lihat]? Ceria. *Nok tengok* [nak lihat] *lagu mana* [macam mana]? *Tengok*, *tengok* [lihat, lihat] Duduk cara tengok lagu mana. Duduk cara tengok. *Jange paksa*, *tengok jange paksa* [jangan paksa, lihat jangan paksa]. *Tengok jange paksa* [lihat jangan paksa], deh. Adik duk situ, deh. Adik ni bangun, adik berdiri. Adik berdiri, adik tengok. Tengok jange paksa. Jange paksa, deh. Adik duk sini, Ayah Mat tunjuk. Ayah Mat *ghe* [tahan] duduk tu, Ayah Mat *kekeng* [kangkang], *tange* [tangan] situ (mendemonstrasi pergerakan tangan). Jadi, goni Ayah Mat (demonstrasi posisi badan), *ilmu ni duk gini*

[duduk macam ini] saja *tiga* [3] jam, dik. *Sapa* [Sampai] nak *terkencing* [terkucil].

NA : Seksa. (Ketawa)

PM : *Nok buwi keno* [nak bagi kena]. *Keno nok suruh make mata hite* [nak bagi kena selari kena mata hitam], adik. Di goni (menunjukkan posisi tangan), *jange* [*jangan*] lebih.

NA : Ada cara-cara dia.

PM : Ha, *oghe jate dio* [orang lelaki dia] gini (menunjukkan posisi badan Main Teri orang lelaki). *Oghe tino* [orang perempuan], gini (menunjukkan posisi badan Main Teri orang perempuan).

NA : Oh, *tange* [tangan] lain [Kedudukan tangan berbeza.]

PM : Habis tu dio menari dio masuk sini [Mendemonstrasi pergerakan tarian]. Kalau *tebeng* [paksa] sini, *dokleh* [tak boleh]. *Pasal dio* [sebab dia] makan sini. Dio karate kito. Dio ado juga buah kilas dio. Lepas la sini kalau dio nok test kito pun. Itu la pokok pangkalnya.

NA : Okay (Baiklah). Berapa orang guru yang mengajar Ayah Mat untuk Main Puteri?

PM : Ramai. *Lapan belas* [18] Tok Guru.

NA : Kalau Ayah Mat ingat, siapa nama mereka?

PM : Mati *belako* [semua] doh. *Takdok sore habuk doh* [tiada seorang pun yang masih hidup]. Ada belako Tok Guru itu, hok belajar *kecek sore* [bercakap sorang] Tok Guru, *lima* [5] tahun belajar *kecek* [bercakap].

NA : **Lama.**

PM : Ha *lima* [5] tahun belajar *kecek* [bercakap]. Lama, dik. Hok tu *U* [mahir]. Lama belajar *kecek* [bercakap], *lima* [5] tahun. Sebab kito nok belajar *kecek* [bercakap], kito nok masuk *dale bidang oghe* [dalam bidang orang] ni. Cara *oghe* [orang] ni, *misalei* [misalnya] dengan adik, takkan kito *nok kecek* [nak bercakap] “*Demo nok guano*” [“awak nak macam mana?”] *tok* [tidak] *jangok* [baik] *keu* [kan].

NA : **(Ketawa)**

PM : Adik pun kato “*jawi datuk ni, tak pade dengan tuo*” [“Pelik datuk ni, tidak padan dengan tua.”] Kato gitu pasal tak kenal langsung. Tokleh kata mek mari mano lagi, ha tanya khabar dulu lain. Kita *ngikut* [mengikut] *gred-gred hok* [tahap-tahap yang] kita belajar. Belajar *limo* [5] tahun belajar *kecek* [bercakap].

NA: **Boleh Ayah Mat cerita sikit, bagaimana Ayah Mat boleh berminat dengan Main Puteri?**

PM : Minat Main Teghi ni *mek* [perempuan Kelantan], *memei* [memang] dio semula jadi. Semula jadi. Dio *memei* [memang] *demo* [mereka] ni ada darah-darah tu. Darah-darah Teghi tu. Darah Teghi *pahtu* [selepas itu] *Tuhe* [Tuhan] tercampak

dah benda anugerah. Anugerah ini besar, dik. Besar, besar, besar banyak. Kalau zaman dulu, dio panggil hidayat. Ini dio panggil wahyu, zaman dulu, zaman *loni* [sekarang ini] hidayat. *Oghe takdok* [orang tiada] hidayat ni gelap. *Oghe* [orang] pandai baca *nulis* [menulis] pun belum tentu lagi boleh *ngadap oghe* [berubat orang] sakit. *Oghe* [orang] sakit tu belum tentu lagi kita boleh *ngadap oghe* [berubat orang] sakit. Sebab kito boleh baca *nulis* [menulis], *oghe putih* [orang Inggeris] boleh, Cina boleh, Keling boleh, India boleh. Tapi belum tentu lagi kita boleh *ngadap oghe* [menghadap orang] sakit. Sebab *kuwong oghe* [penyakit orang] sakit tu kita *doktahu* [tak tahu]. Dio ada . *Supo* [seperti] satu contoh kita tok rajin *kecek* [bercakap] *kito nok masuk atas petah* [kita nak naik pentas], *nok kecek dokleh* [nak bercakap tak boleh], dik. *Kele kabok* [kelam kabut], ketar daging *punggong* [punggung] adik dio bunyi PURP-PURP-PURP-PURP-PURP. Yo ketar, padahal dok ketar tapi bunyi PURP-PURP di telinga. *Tlapo* [terlampau] takut. *Bena demo tu nok* [sebenarnya mereka nak] dengar *kito kecek* [kita bercakap] *tapi takdok* [tiada] hidayat *tokleh kecek* [tak boleh bercakap].

NA : Ada keturunan Ayah Mat yang turut bergiat aktif dalam Main Puteri?

PM : Ada.

NA : Selepas Ayah Mat, siapa yang akan teruskan tradisi Main Puteri ini dalam keluarga Ayah Mat?

PM : Ayah Mat rasa itu kot taktahu la anak bongsu ko kak long taktahu.

NA : **Kak long pun boleh.**

PM : *Dio semua lagu ni belako* [mereka semua seperti Ayah Mat]. *Dio aktif gini belako* [semua aktif]. Tapi kalu adik ada *kitok* [TikTok], adik tengok Pak Mat Jedok, ada budak *hok paka* [yang pakai] rantai tu. Dalam TikTok tu adik taip Pak Mat Jedok, adik tengok budak hok paka [yang pakai] rantai tu. Cucu Ayah Mat kuat *semo* [semua] angin. Cuba tengok tu. Adik tengok tu *bare* [benda] nyata.

NA : **Cucu pun boleh.**

PM : Cucu tu *berat bena* [sangat mengikuti jejak Ayah Mat]. Dio kelas A pasal [sebab] dio anak *tok bomoh kiri kane* [keluarga bomoh]. Hok tu tulen, yang penting tulen. *Try* [cuba] tengok ada budak *hok paka* [yang pakai] rantai, *dok paka* [tak pakai] baju tu. *Dale* [dalam] Tiktok, *takdok* [tiada]?

NA : **(Ketawa) Line slow.**

PM : TikTok la dik. *Takdok* [tiada] line TikTok. Search Pak Mat Jedok.

NA : **Adakah Ayah Mat ini mengadakan kelas untuk golongan muda mempelajari Main Puteri?**

PM : Ada.

NA : **Berapa kali seminggu untuk Ayah Mat adakan kelas?**

PM : Baru ini *dua* [2] tahun. [Kelas diadakan 2 kali seminggu.]

NA : Berapa orang anak murid Ayah Mat?

PM : *Banyak belas oghe* [dalam berbelas orang].

NA : Lingkungan umur anak-anak murid?

PM : Anak murid start daripada pandai *berkecek sapa ko tuo* [budak kecil hingga orang tua].

NA : Maksudnya daripada kecil boleh sapa?

PM : *Sapa ke tuo* [sampai tua].

NA : Ayah Mat pernah dapat permintaan pelik tak daripada pesakit?

PM : Ada.

NA : Contohnya?

PM : **Keno naik galah** [kena naik gendong].

NA : (Ketawa) Betul la ni?

PM : *Tok lolok* [tak tipu]. *Tebeng dok galah keno nimbuk ko dio* [buat tak gendong kena penumbuk dia]. Dio kata *tok cekak nok jale* [tak larat nak berjalan] *dio kato kito nok naik galah* [dia cakap nak naik gendong]. **Keno galah** [kena gendong]. Pelik *ko tidok* [ke tak]? Mati *Pah galah oghe tuo* [hendong orang tua], *berat tah belake* [atas belakang].

NA : Menurut Ayah Mat, permainan atau persesembahan Main Puteri ini mencabar tak?

PM : Mencabar.

NA : Apa yang membuatkan Main Puteri ini mencabar?

PM : *Mace-mace* [macam-macam]. *Oghe* [orang] ni *ado demo kato dok sedak* [ada orang cakap tak sedap], *ado demo kato sedak* [ada mereka cakap sedap].

NA : Untuk dapatkan *kepuasan oghe* [orang]?

PM : Ha.

NA : Apa cabaran yang Ayah Mat harus lalui sepanjang Ayah Mat bergiat aktif menjadi Tok Teri?

PM : *Dio kebanyake dio oghe hatu tak puas hati* [dia kebanyakan dia orang hantu tak berpuas hati]. (Telefon bimbit berdering) Tak puas hati.

NA : Ayah Mat ada rasa gementar setiap kali sebelum melakukan upacara Main Puteri?

PM : Ada.

NA : Ayah Mat mengenakan bayaran kepada pesakit yang datang untuk rawatan tu ada ke?

PM : *Camno* [macam mana]?

NA : Ada ke Ayah Mat ni mengenakan bayaran kepada pesakit yang datang?

Maksudya, jumlah-jumlah yang tertentu.

PM : *Takdok* [tiada]. Dio keno pesakit bayar ko Ayah Mat.

NA : (Ketawa) Bagaimana penerimaan orang-orang kampung terhadap Ayah Mat yang bergiat aktif dalam bidang Main Puteri?

PM : *Oghe* [orang] kampung ni, dik. Ayah Mat tau kato *oghe* kampung ni *sayei* ko [orang kampung ni sayang kepada] Ayah Mat. Hok Ayah Mat gi di Perancis baru ni, ada berapa ratus *oghe* [orang] atas rumah ni semua *teriok* [menangis]. Semua *teriok* [menangis], nyo kata ko Poksu Roni *bini* [isteri] mati pun *dio tak teriok* [dia tak menangis], Abe Mat nok gi ni, jatuh air mato. Semua *oghe teriok* [orang menangis], *hok duk atah* [yang ada dalam] rumah ni. *Maso kito tubik jale nok gi* [masa kita berjalan keluar] perancis. Rupanya *sayei buke* [semua sayang bukan] benci.

NA : Menghargai bakat.

PM : Habis *duo ribu* [RM2000] baruni kito beli lauk. *Kito nok turun gi Perancis habis duo ribu ya kito buat bekwoh* [habis RM2000 buat makan untuk pergi Perancis].

NA : Sepanjang Ayah Mat bergiat Main Puteri ni, pernah ada perkara yang tak diingini berlaku sewaktu persembahan atau rawatan Main Puteri?

PM : Tadok [tiada].

- NA : Tadok [tiada]. Bagaimana Ayah Mat mengawal keadaan sekiranya ada perkara yang tidak diingini berlaku sewaktu Main Puteri?
- PM : *Kalu baso nok mati tu kito wak g ko pital lalu* [kalau nampak nak mati terus bawa ke hospital]. (ketawa)
- NA : (ketawa). Boleh Ayah Mat cerita sedikit kes pesakit yang paling teruk yang Ayah Mat rawat?
- PM : Rajin. Mari *supo ike keno kare, leloh* [datang seperti ikan kena renjatan elektrik, astma].
- NA : **Tak sedarkan diri ke?**
- PM : *Ho dok* [ya tak], *selok kerah cokeng* [tak sedarkan diri]. *Pah keno angin dia hidup kelik, joget, boleh jale, boleh isap rokok smula* [Bila kena angin dia hidup balik, menari, boleh berjalan, boleh hisap rokok balik]. *Banyok* [banyak] dik. *Supo sakni, glepa dode-dode kelik nge bodo pun ado* [macam tadi, menggelepar balik dengan begitu je]. (ketawa). Mugo adik tengok doh kea.
